

Inisiatif tambahan untuk peneroka FELDA diumumkan

Kerajaan salur RM10 bilion dalam tempoh 10 tahun bantu pelan pemulihan

Oleh Latifah Arifin dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Serdang: Kerajaan akan menyalurkan sehingga RM1 bilion setahun untuk tempoh 10 tahun kepada FELDA melalui terbitan sukuk bagi memastikan kelangsungan agensi rancangan tanah berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peruntukan itu diluluskan bulan lalu oleh Kementerian Kewangan (MoF) bagi meneruskan dana pembiayaan sukuk FELDA yang tertangguh sebelum ini.

Kabinet sebelum ini meluluskan cadangan terbitan sukuk bernilai RM9.9 bilion oleh FELDA dengan jaminan kerajaan bagi membolehkan agensi itu melaksanakan pelan pemulihan, seperti dibentangkan Pasukan Petugas Khas melalui laporan pada Oktober 2020.

Dalam pada itu, Perdana Menteri ketika berucap di hadapan 10,000 warga FELDA sempena sambutan Hari Peneroka FELDA 2023 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di Serdang, dekat sini, turut mengumumkan beberapa inisiatif tambahan khusus untuk FELDA dan warga penerokanya.

Antaranya kelulusan peruntukan RM7.7 juta setahun untuk



Anwar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Pengerusi FELDA, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (dua dari kanan); Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, Sulong Jamil Mohamed Shariff pada sambutan Hari Peneroka FELDA 2023 di MAEPS, Serdang, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

menanggung perbelanjaan kos operasi 37,012 lampu jalan melalui projek pencerahan lampu jalan seluruh kawasan FELDA.

Kerajaan juga akan menjadikan FELDA peneraju transformasi digital menerusi program Digital MADANI bagi memperkasa ekonomi gig.

Perdana Menteri turut mengumumkan penyediaan 12 Pusat Hemodialisis dengan peruntukan RM21 juta di semua FELDA dan sebuah lagi di premis Yayasan FELDA di Kelana Jaya yang dijangka dapat memberi manfaat kepada hampir 2,000 pesakit di kawasan tanah rancangan.

Kerajaan juga akan memperkenalkan insentif khas Sumbangan Kesihatan Rahmah (SKR) sebanyak RM300 dengan peruntukan keseluruhan RM21.21 juta yang bakal memberi manfaat ke-

pada 70,715 peneroka.

Perdana Menteri turut mengumumkan subsidi diesel RM36 juta setahun akan ditampung kerajaan bagi operasi penjanaan tenaga dan rawatan air yang akan memberi manfaat kepada hampir 43,000 penduduk di kawasan Kompleks Sahabat, Umas dan Kalabakan di Sabah.

Bagi membantu menyelesaikan isu Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang terbengkalai, beliau berkata kerajaan akan menyiapkan baki 283 unit perumahan berkenaan dengan segera.

Kerajaan juga mempertimbangkan usaha drastik untuk membantu peneroka getah beralih kepada tanaman komoditi lain seperti sawit, kelapa atau yang bersesuaian tertakluk kelulusan kerajaan negeri masing-masing.

"Seperti diumumkan minggu lalu, kerajaan menandatangani

perjanjian untuk menstruktur semula pinjaman melalui terbitan sukuk dan kredit pusingan dalam usaha memulihkan kedudukan kewangan FELDA yang memberi pemansuhan 80 peratus hutang peneroka berjumlah RM8.3 bilion," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memberi tumpuan khusus kepada isu berkaitan FELDA melalui Belanjawan Madani kedua pada Oktober depan.

Beliau juga menggesa peneroka FELDA di enam negeri yang terbabit Pilihan Raya Negeri (PRN) Ogos depan, supaya menggunakan kuasa rakyat dengan bijaksana bagi memastikan Kerajaan Perpaduan kekal sebagai kerajaan negeri.

"Saya akan lakukan sedaya upaya untuk buat perubahan (dalam FELDA), tetapi dalam sistem demokrasi ini, kuasa terletak kepada rakyat," katanya.